

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 24.01.2025 MASA: 04.00PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR
SETIAUSAHA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN GELANGGANG BOLA
KERANJANG BANDAR TASEK MUTIARA DAN TAMAN
PUTRI GUNUNG, SEBERANG PERAI SELATAN**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**25 JANUARI 2025 (SABTU)
3.30 PETANG**

**GELANGGANG BOLA KERANJANG
BANDAR TASEK MUTIARA
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

- 1. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**
Ketua Menteri Pulau Pinang

- 2. Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan
Bandar & Desa

- 3. Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik**
ADUN Bukit Tambun

- 4. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

- 5. Yang Berusaha Encik Nur Mushawwir Hrsikesa**
Penolong Pengarah Landskap
Merangkap Penyelaras Majlis Perasmian
Gelanggang Bola Keranjang Bandar Tasek Mutiara Dan Taman Puteri
Gunung, SPS

- 6. Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

- 7. Yang Berusaha Puan Nor Hazurin Binti Zakaria**
Pengerusi MPKK Bandar Tasek Mutiara Selatan

- 8. Yang Berusaha Tuan Haji Abdul Rahim Ahmad**
Penyelaras Kadun Sungai Bakap

- 9. Rakan-Rakan Media**

- 10. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Bersama-sama marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang yang penuh bermakna ini untuk menyaksikan **Majlis Perasmian Gelanggang Bola Keranjang Bandar Tasek Mutiara Dan Taman Putri Gunung, Seberang Perai Selatan.**
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, atas kesudian Yang Amat Berhormat meluangkan masa bagi merasmikan gelanggang bola keranjang ini. Kehadiran Yang Amat Berhormat amat bermakna dan menjadi suntikan semangat kepada seluruh warga Seberang Perai.
3. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada petang ini.
4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pelaksanaan kerja-kerja naik taraf kemudahan rekreasi dan riadah merupakan salah satu

perkhidmatan teras yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Secara umumnya, usaha ini melibatkan dua (2) komponen utama, iaitu landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*).

5. Bagi merealisasikan visi MBSP untuk menjadikan Seberang Perai **Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar**, MBSP telah mengenal pasti pelbagai lokasi strategik untuk pembangunan kawasan lapang di seluruh Seberang Perai.
6. Salah satu program strategik ialah pelaksanaan pembangunan kawasan rekreasi ini di bawah peruntukan BP1 bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Tahun 2024. Program ini dirangka dengan matlamat memperkukuh dan memajukan PBT melalui pelaksanaan pembangunan fizikal dan sosioekonomi yang mampan. Langkah ini bertujuan meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat dengan menyediakan perkhidmatan berkualiti tinggi, kemudahan sosial yang menyeluruh serta peluang rekreasi yang inklusif. Semua ini adalah sejajar dengan matlamat pembangunan Negara yang holistik dan progresif.
7. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan oleh MBSP, pembangunan ini berpotensi besar untuk memberi manfaat yang signifikan kepada komuniti setempat. Lokasi projek ini berada dalam kawasan berkepadatan tinggi dan berhampiran dengan kemudahan ameniti seperti sekolah dan kawasan perumahan.

8. Disokong dengan faktor kesinambungan dan kebolehsampaian (*connectivity & accessibility*) yang baik (*within maximum walking distance of 400m - 500m / 5 minutes – 10 minutes*), menjadikan lokasi ini ideal untuk menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.
9. Pelaksanaan projek ini turut menerima sokongan penuh daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah meluluskan peruntukan sebanyak RM280,000.00. Projek ini bermula pada 7 Oktober 2024 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 5 Januari 2025. Ini adalah bukti jelas komitmen kerajaan dalam memenuhi keperluan dan aspirasi rakyat melalui pembangunan kemudahan yang berkualiti.
10. Untuk makluman, sepanjang tahun 2024, MBSP telah merancang sebanyak 19 projek naik taraf di seluruh Seberang Perai, termasuk projek di Bandar Tasek Mutiara dan Taman Putri Gunung ini. Projek-projek ini merangkumi lapan (8) projek di Seberang Perai Utara, enam (6) projek di Seberang Perai Tengah dan lima (5) projek di Seberang Perai Selatan.
11. Adalah menjadi harapan MBSP agar projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat. Ia bukan sahaja menjadi ruang untuk aktiviti riadah, tetapi juga mampu memupuk hubungan yang erat dalam kalangan masyarakat serta mempromosikan kesejahteraan sosial secara keseluruhan.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan projek ini, terutamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di atas peruntukan yang diberikan serta kepada semua warga kerja MBSP yang telah memastikan projek ini dapat direalisasikan dengan jayanya.
13. Akhir kata, semoga gelanggang bola keranjang ini menjadi simbol kemajuan dan kesejahteraan masyarakat Seberang Perai, serta dapat digunakan sepenuhnya untuk manfaat generasi kini dan akan datang. Dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow atas kesudian merasmikan majlis ini.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***